



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

# BERITA

24 JAM

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

### Untuk makluman:

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 15 APRIL 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **KPDN**

# Pengezonan minyak masak paket bersubsidi diperluaskan

**Iskandar Puteri:** Pengezonan (*zoning*) minyak masak paket bersubsidi akan diperluaskan ke seluruh negara susulan keberkesanannya memastikan bekalan diperoleh pengguna selain mengelakkan insiden bekalan terputus berlaku.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Saraw Hidup (KPDN), Dr Fuziah Salleh, berkata menerusi pengezonan pengedaran minyak masak paket bersubsidi itu, pembungkus diwajibkan mengagihkan kuota kepada peruncit yang sudah dikenal pasti.

Sehubungan itu, pembungkus tidak lagi boleh mengedarkan minyak masak paket bersubsidi kepada pihak lain, selain peruncit yang sudah dikenal pasti dan disenaraikan kementerian.

Katanya, isu bekalan minyak masak paket bersubsidi tidak seharusnya berlaku kerana jumlah keseluruhan kuota minyak masak itu di seluruh negara membabitkan 60,000 tan atau 60 juta paket minyak masak bersubsidi sebulan membabitkan 330 pembungkus di seluruh negara.

"Sistem pengezonan minyak masak paket bersubsidi ini kita sudah mulakan di Sabah dan Sarawak, susulan dua negeri ini kerap mengalami gangguan atau terputus bekalan nya.

"Apabila siasatan dibuat kementerian, punca isu kerapnya terputus bekalan minyak masak paket berikutan pengedaran dan pengagihan yang dilakukan pembungkus tidak di koordinasi secara berkesan.

"Ia berikutan pembungkus kebanyakannya beroperasi di kawasan berhampiran ladang sawit menyebabkan bekalan hanya tertumpu di kawasan itu dengan kawasan pedalaman sering mengalami masalah, satu lagi isu membabitkan pembungkus sebelum ini tidak diwajibkan mengedarkannya kepada peruncit yang sepatutnya.

"Sebelum ini pembungkus boleh jual kepada sesiapa sahaja janji habis, namun menerusi sistem pengezonan ini pembungkus wajib mengedarkan kepada peruncit membabitkan pasar raya atau kedai

yang sudah dikenal pasti kementerian mengikut kawasan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Penetapan Lokasi Pengagihan Bekalan Minyak Masak Paket, di sini, semalam.

Fuziah berkata, Johor akan memulakan pengedaran minyak masak paket bersubsidi secara pengezonan, mulai hari ini.

Katanya, ia membabitkan 3,112 tan kuota minyak masak paket bersubsidi.

"Sistem pengezonan minyak masak paket bersubsidi untuk Johor membabitkan 19 syarikat pembungkus dengan lokasi *point of sales* (POS) sudah dikenal pasti.



Fuziah Salleh

"POS ini membabitkan peruncit termasuk pasar raya serta kedai yang ditetapkan kementerian.

"Kita akan nilai sistem pengezonan di Johor dan lihat semula sama ada jumlahnya perlu ditambah atau tidak," katanya.

Mengulas isu ketirisan minyak masak paket bersubsidi, Fuziah berkata kementerian akan meningkatkan penguatkuasaan bagi memastikan ia dapat dipegang dengan berkesan.

Beliau mengakui ketirisan minyak masak paket bersubsidi ada berlaku, namun angkanya tidak besar dan dapat dikawal menerusi penguatkuasaan dan sistem pengezonan.

"Insya-Allah dengan sistem pengezonan, isu terputus bekalan minyak masak paket bersubsidi akan dapat diatasi.

"Seperti kita maklum minyak masak paket bersubsidi adalah untuk kegunaan domestik, namun peniaga mikro juga gunakan contohnya peniaga pisang goreng guna sekurang-kurangnya 15 paket setiap hari.

"Namun, buat masa ini kerajaan tidak bercadang menghalang penggunaan peniaga mikro ini kerana kita risau bebaninya akan dipindahkan kepada pengguna dengan harga jualan akan meningkat lebih tinggi, jika mereka dihalang menggunakan minyak masak paket," katanya.

# Sudah dua minggu bekalan diesel, petrol di Pulau Redang terputus

Oleh ZAID MOHD. NOOR  
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA NERUS:** Penduduk di Pulau Redang dekat sini, menghadapi kesukaran mendapatkan minyak petrol dan diesel akibat bekalan bahan api tersebut terputus sejak dua minggu lalu.

Masalah tersebut berlaku selepas syarikat pembekal bahan bakar di pulau itu dikatakan tidak menambah bekalan berikutan perkhidmatannya ditarik mulai hari ini.

Pengerusi Persatuan Pengusaha Bot Pelancong Pulau Redang, Mohd. Yusri Azizol Yusoff, 38, berkata, kira-kira 200 buah bot pelancong yang beroperasi di pulau terjejas operasi apabila mereka menghadapi kesukaran mendapatkan bekalan bahan api itu.

Pada masa sama, katanya, nelayan dan penduduk di pulau itu yang menggunakan petrol serta diesel turut terkesan dengan masalah tersebut.

"Pada masa ini, pengusaha bot terpaksa mengeluarkan kos



**SEBAHAGIAN** pengusaha bot pelancong dan penduduk kampung mengadakan perhimpunan aman berikutan bekalan minyak petrol dan diesel yang terputus di Kampung Baru Pulau Redang, Kuala Nerus, Terengganu. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY

kira-kira RM100 untuk perjalanan pergi dan balik bagi membeli minyak di tanah besar dekat pekan Merang.

"Minyak petrol dan diesel yang dibeli itu diisi dalam tong dan perlukan surat kebenaran

dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup" katanya ketika ditemui di Pulau Redang, semalam.

Mohd. Yusri berkata, keperluan petrol keseluruhan di pulau ini dianggarkan kira-kira

40,000 liter sebulan dan diesel pula 35,000 liter.

Pihaknya mengharapkan syarikat pembekal minyak baharu dapat membekalkan minyak yang secukupnya bermula hari ini.

Katanya, penduduk bimbang sekiranya masalah tersebut berlarutan memandangkan syarikat baru yang dilantik itu masih tidak mempunyai kemudahan premis dan pam minyak untuk perniagaan tersebut. \*



SEBAHAGIAN tong gas LPG yang dirampas dalam serbuan di Ajil, Hulu Terengganu kelmarin.

## Simpan 477 tong gas atas tanah lapang

**HULU TERENGGANU** — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berjaya mematahkan kegiatan menjual gas petroleum cecair (LPG) bersubsidi tanpa permit dengan serbuan di Ajil di sini kelmarin.

Serbuan di tanah lapang yang menjadi kawasan simpanan LPG terbabit pada pukul 12.30 tengah hari itu berjaya merampas 477 tong gas memasak.

Pengarah KPDN Terengganu, Mohd. Mufsi Lat berkata, serbuan sama merampas dua buah lori.

Beliau berkata, seorang lelaki berusia 40-an yang disyaki terlibat dalam pemilikan tong gas LPG terbabit turut ditahan bagi membantu siasatan.

"Pemeriksaan mendapati suspek gagal mengemukakan surat kebenaran daripada Pengawal Bekalan untuk berurusan dengan gas LPG berkenaan yang merupakan barang kawalan."

"Serbuan berjaya merampas 477 tong yang mengandungi 6,592 kilogram gas LPG bernilai

“

Serbuan berjaya merampas 477 tong yang mengandungi 6,592 kilogram gas LPG bernilai keseluruhan RM65,676.20," katanya di sini semalam."

keseluruhan RM65,676.20," katanya di sini semalam.

Mohd. Mufsi berkata, risikan selama dua minggu mendapat barangan kawalan itu diperolehi daripada pembekal dalam dan luar Terengganu sebelum dijual di sekitar Ajil dan Kuala Berang di sini.

Beliau berkata, antara pelanggan tong gas LPG terbabit ialah pengusaha kedai makan, dobi dan hotel di kawasan terbabit. Kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

**Iskandar Puteri:** Pengezonan (zoning) minyak masak peket bersubsidi akan diperluaskan ke seluruh negara susulan keberkesannannya memastikan bekalan diperoleh pengguna se lain mengelakkan insiden berlaku.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Dr Fuziah Salleh berkata, menerusi pengezonan pengedaran minyak masak peket bersubsidi itu, pembungkus diwajibkan mengagihkan kuota kepada peruncit yang sudah dikenal pasti.

Sehubungan itu, pembungkus tidak lagi boleh mengedarkan minyak masak peket bersubsidi kepada pihak lain, selain peruncit yang sudah dikenal pasti dan disenaraikan kementerian.

Katanya, isu bekalan minyak masak peket bersubsidi tidak seharusnya berlaku kerana jumlah keseluruhan kuota minyak masak berkenaan di seluruh negara membabitkan 60,000 metrik tan atau 60 juta peket minyak masak bersubsidi sebulan membabitkan 330 pembungkus

## PENGEZONAN MINYAK MASAK PEKET BERSUBSIDI

### Bakal diperluaskan ke seluruh negara



DR Fuziah melihat minyak peket serta pembungkusan ketika lawatan kerja ke kilang pembungkus minyak masak peket di Jalan Kempas Lama. - Gambar NSTP/NAJMI NORAZAM

di seluruh negara.

"Sistem pengezonan (zoning) minyak masak peket bersubsidi ini kita sudah mulakan di Sabah dan Sarawak, susulan dua negeri ini kerap mengalami gangguan atau terputus bekalannya.

"Apabila siasatan dibuat kementerian, punca isu kerapnya terputus bekalan minyak masak peket berikutkan pengedaran dan pengagihan yang dilakukan pembungkus tidak dikordinasi secara berkesan.

"Ia berikutan pembungkus kebanyakannya beroperasi di kawasan berhampiran ladang sawit menyebabkan bekalan hanya tertumpu di kawasan itu dengan kawasan pedalaman sering mengalami masalah, satu lagi isu membabitkan pembungkus sebelum ini tidak diwajibkan mengedarkannya kepada peruncit yang sepatutnya.

bungkus dengan lokasi point of sales (POS) sudah dikenal pasti.

"POS ini membabitkan peruncit termasuk pasar raya serta kedai yang ditetapkan kementerian.

"Kita akan nilai sistem pengezonan di Johor dan lihat semula sama ada jumlahnya perlu ditambah atau tidak," katanya.

Mengulas isu ketirisian minyak masak peket bersubsidi, Fuziah berkata, kementerian akan meningkatkan penguatkuasaan bagi memastikan ia dapat dikekang dengan berkesan.

Beliau mengakui ketirisian minyak masak peket bersubsidi tidak seharusnya berlaku, namun angkanya tidak besar dan dapat dikawali menerusi penguatkuasaan dan sistem pengezonan.

"Insya-Allah dengan sistem pengezonan, isu terputus bekalan minyak masak peket bersubsidi akan dapat diatasi.

"Seperti kita maklum minyak masak peket bersubsidi untuk kegunaan domestik, namun peniaga mikro juga gunakan contohnya peniaga pisang goreng guna sekurang-kurangnya 15 peket setiap hari," katanya.

**"Pembungkus tidak lagi boleh edarkan minyak masak peket bersubsidi kepada pihak lain**  
Dr Fuziah

# Tindakan tegas jika ada unsur kecuaian

Patut dikenakan tindakan tegas terhadap pemandu serta pemilik syarikat lori membawa muatan batu

Oleh MOHD FAIZUL HAIKA  
MAT KHAZI  
**SHAH ALAM**

Pihak berkuasa digesa mengambil tindakan tegas terhadap pemandu serta pemilik syarikat lori membawa muatan batu yang terlibat dalam kemalangan maut di Kilometer 15, Jalan Sungai Manik-Sungai Lampam, Teluk Intan, Perak pada Selasa, sekiranya terdapat bukti jelas ia disebabkan kecuaian atau kegagalan menyelenggara kenderaan berat itu dengan baik.

Pakar automotif, Hezeri Samsuri berkata, pendekatan sedemikian sudah lama diamalkan di negara maju seperti Amerika Syarikat dan Eropah sebagai langkah pencegahan dan memberi pengajaran kepada semua pihak terlibat dalam industri pengangkutan.

Menurutnya, hanya melalui kae-dah tersebut pemilik syarikat akan lebih berhati-hati dalam memilih pemandu dan menitikberatkan aspek penyelenggaraan kenderaan perdagangan.

"Pihak berkuasa seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup juga



Keadaan lori FRU yang terbabit kemalangan dengan lori membawa muatan batu di Jalan Chikus-Sungai Lampam pada Selasa.

perlu memastikan semua alat ganti kenderaan perdagangan adalah tulen dan mematuhi piawaian kerajaan serta UN ECE (Suruhanjaya Ekonomi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Eropah).

"Memang benar kenderaan baharu perlu menepati piawaian tersebut tetapi pasaran alat ganti sekarang terlalu bebas. Ada yang guna komponen tiruan semata-mata nak jimat kos dan maksimumkan keuntungan walaupun nyawa pengguna jalan raya lain menjadi taruhan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Mengulas lanjut, Hezeri menyifat-



HEZERI

kan insiden kemalangan maut yang meragut nyawa sembilan anggota Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) itu sebagai sangat menyedihkan.

"Setiap kali berlaku kemalangan maut, skrip sama dimainkan – tubuh pasukan khas, jalankan siasatan rapi. Tapi apabila isu reda hasil siasatan pun sepi begitu sahaja.

"Contohnya, tragedi bas pelancong yang meragut 27 nyawa warga Thailand di Kilometer 15 Jalan Cameron Highlands-Simpang Pulai pada 2010, sehingga kini masih misteri walaupun badan siasatan bebas ditubuhkan," katanya.

## Johor agih minyak masak peket bersubsidi ikut zon

**JOHOR BAHRU**—Johor akan memulakan pengedaran minyak masak peket bersubsidi mengikut zon bermula Khamis bagi memastikan bekalan itu diagihkan secara menyeluruh di semua daerah di negeri ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), Dr Fuziah Salleh berkata, kaedah pengedaran mengikut zon itu membabitkan 3,112 tan metrik minyak masak daripada 19 syarikat pembungkusan kepada 17 peruncit utama.

Menurutnya, tempoh *zoning* sehingga hujung tahun ini diberikan untuk menilai keberkesanannya pengagihan minyak masak ter-

sebut di Johor, supaya tidak ada mana-mana kawasan di seluruh negeri yang tidak mendapat bekalan atau mengalami putus bekalan.

"Sebelum ini taburan (kawasan) syarikat pembungkusan mungkin tidak diselaraskan, jadi ia mungkin (menyebabkan) ada tempat yang tidak ada bekalan.

"Contohnya sebelum ini, Mersing kadang-kadang terputus bekalan dan kami menerima aduan. Apabila kami kaji semula, Mersing sebenarnya mendapat



FUZIAH

bekalan minyak masak dari Kuantan.

"Dengan kaedah pengagihan mengikut zon ini, kita dapat memastikan pembungkusan menghantar bekalan terus ke lokasi jualan ditetapkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas melawat syarikat pembungkusan minyak masak peket, Jelapang Emas Ventures Sdn Bhd, di sini pada Rabu.

Tambah Fuziah, setakat ini hanya tiga negeri melaksanakan sistem *zoning* iaitu Sabah,

Sarawak, dan Johor.

Ujarnya, selain pengguna domestik, peniaga mikro juga menggunakan minyak masak peket dalam jumlah besar menyebabkan bekalan cepat habis di pasaran.

"Ada peniaga kecil menggunakan sehingga 15 peket sehari. Kami sedar perkara ini dan tidak mengambil tindakan kerana mereka juga memerlukan bekalan, sebab itu kami tambah baik agihan."

"Negara kita mengeluarkan 60,000 metrik tan minyak masak peket sebulan. Jumlah itu mencukupi. Isunya bukan pada bekalan, tetapi agihan yang tidak setakat serta lokasi pengilang dan pembungkusan yang tertumpu di negeri tertentu," jelasnya.

HARI: **KHAMIS**

TARIKH: **15/5/2025**

M/SURAT: **11**

## TERENGGANU



28

**KPDN bongkar  
kegiatan  
seleweng LPG,  
rampas 477  
tong gas**

# Bekalan petrol, diesel putus lebih dua minggu

Penduduk Pulau Redang gesa pihak berwajib segera tangani isu

Oleh NORHASPIDA YATIM  
**KUALA NERUS**

Penduduk Pulau Redang terutama pengusaha bot dan teksi mendakwa berdepan kesulitan apabila bekalan minyak petrol dan diesel terputus sejak lebih dua minggu lalu.

Pengusaha bot dan teksi, Azmi Kamaruzaman, 48, berkata, situasi itu menjelaskan pendapatan penduduk dan pengusaha pelancongan yang bergantung sepenuhnya kepada bekalan minyak untuk beroperasi pada setiap hari.

Menurutnya, masalah timbul selepas pertukaran kontraktor pembekal bahan api di pulau peranginan tersebut.

"Masalah ini bermula selepas kontraktor baharu ambil alih. Kami dan penduduk kampung sangat terkesan."

"Sebelum ini, kemudahan minyak cukup baik dan teratur kerana kontraktor ada sediakan pam minyak, tapi sekarang jadi macam zaman 70-an, bukan sahaja susah nak dapat, minyak juga perlu disukat," katanya di sini pada Selasa.



Sebahagian daripada pengusaha bot dan teksi di Pulau Redang yang terputus bekalan minyak, meluahkan kekecewaan mereka terhadap masalah yang berlarutan selama lebih dua minggu.

Azmi berkata, mereka terpaksa pergi ke tanah besar seperti di Merang, Setiu semata-mata untuk membeli minyak dalam tong, namun jumlah yang dibenarkan sangat terhad.

"Kami terpaksa guna hampir 50 liter minyak untuk perjalanan pergi dan balik ke daratan, namun hanya dibenarkan beli 25 atau 50 liter sahaja, memang tak berbaloi dan menyusahkan."

"Pihak berwajib sepatutnya mengambil tindakan segera bagi menyelesaikan isu bekalan minyak yang memberi kesan besar kepada komuniti setempat di sini," ujarnya.

Sementara itu, Pengurus

Persatuan Pengusaha Bot Pelancong Pulau Redang, Mohd Yusri Azizol Yusoff, 38, memaklumkan, terdapat lebih 200 bot pelancong berdaftar di pulau tersebut yang turut terjejas akibat gangguan bekalan.

"Kami dimaklumkan kontraktor baharu akan mula bekalkan minyak bermula 15 Mei ini dan akan membawa masuk dalam bentuk tong."

"Tetapi, sehingga kini kami semua belum jelas mengenai kaedah keemasukan dan sistem yang akan digunakan," katanya.

Beliau mendakwa, pihaknya cuba menghubungi pihak berkuasa namun tidak dijawab dan berharap kerajaan mengambil perhatian dan segera bertindak bagi menangani isu itu.

## KPDN bongkar kegiatan seleweng LPG, rampas 477 tong gas

**HULU TERENGGANU** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Terengganu membongkar kegiatan penyelewengan gas petroleum cecair (LPG) bersubsidi dalam serbuan di sebuah tapak penyimpanan haram di kawasan tanah lapang berhampiran Ajil, di sini, pada Selasa.

Pengarah KPDN Terengganu, Mohd Mufsi Lat berkata, sebanyak 477 tong gas petroleum cecair (LPG) seberat kira-kira 6,592 kilogram serta dua lori dirampas dengan anggaran nilai keseluruhan RM65,676.20.

Menurutnya, serbuan jam 12.30 tengah hari itu dijalankan hasil risikan selama dua minggu oleh empat pegawai penguat kuasa KPDN selepas mengesan aktiviti mencurigakan di kawasan tersebut.

"Hasil pemeriksaan mendapati pemilik LPG tidak mempunyai sebarang lesen, permit atau surat kebenaran daripada Pengawal Bekalan untuk menyimpan dan mengedarkan barang kawalan itu.

"LPG bersubsidi ini dipercayai diperoleh dari pembekal setempat dan luar negeri sebelum dijual kepada pengusaha kedai makan, dobi serta hotel di sekitar Ajil dan Kuala Berang," katanya di sini pada Rabu.

Menurutnya, seorang lelaki tempatan berusia lingkungan 40an telah ditahan bagi membantu siasatan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122).

Jelasnya, KPDN juga sedang menyiatis pembekal terlibat kerana berurusan dengan individu yang tidak



**KPDN merampas sebanyak 477 tong LPG ketika menyerbu sebuah tapak penyimpanan haram dalam kawasan tanah lapang berdekatan Ajil, Hulu Terengganu pada Selasa.**

mempunyai lesen sah, yang turut merupakan satu kesalahan mengikut akta sama.

"Jika sabit kesalahan, individu boleh didenda maksimum RM1 juta atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya, manakala syarikat pula boleh dikenakan denda sehingga RM2 juta bagi kesalahan pertama," katanya.

Beliau berkata, tindakan itu merupakan sebahagian daripada pelaksanaan Ops Gasak 2025 (Gas Memasak) bermula 1 Mei lalu bagi membanteras aktiviti penyelewengan LPG bersubsidi seluruh negara.

Beliau berkata, operasi itu turut melibatkan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Orang awam diminta melaporkan sebarang aktiviti mencurigakan berkaitan barang kawalan dan bersubsidi menerusi WhatsApp (**019-848 8000**), Portal e-Aduan KPDN (<http://eaduan.kpdn.gov.my>), Call Centre: (**1-800-886-800**), aplikasi telefon (Ez ADU KPDN) dan Pusat Arahan Penguatkuasaan (ECC) di talian 03-8882 6245/6088," katanya.

சமையல் எண்ணெய் சீரற்று

## விநியோகப் பிரச்சினைக்குத் தீர்வு



ஜோகூர் பாரு, மே 15-

ஜோகூர் மாநிலத்தில் இன்று தொடக்கம் உதவித் தொகை பெற்ற பாக்கெட் சமையல் எண்ணெய் மண்டலம் மண்டலமாக விநியோகிக்கப்படும் என்று உள்நாட்டு வாணிபம், வாழ்க்கைச் செலவினங்கள் துறை துணை அமைச்சர் சென்ட்டர் ஃபுளியா சாலே கூறினார்.

பக்கம்  
13

### முதல் பக்கத் தொடர்ச்சி சமையல் எண்ணெய் சீரற்று...

இதன்வழி அனைத்துப் பயனீட்டாளர்களுக்கும் பாக்கெட் சமையல் எண்ணெய் கிடைக்கப்பெறுவது உறுதி செய்யப்படும் என்று குறிப்பிட்ட அவர் 3,112 மெட்ரிக் டன் சமையல் எண்ணெய்யை 19 நிறுவனங்கள் பாக்கெட்டில் அடைத்து 17 சில்லறை வியாபாரிகளுக்கு விநியோகம் செய்யப்படும் என்று அவர் சொன்னார்.

இங்கு ஜாலான் கெம்பாஸ் லாமாவில் உள்ள ஜெலாப்பாங் இமாஸ் வெஞ்சர்ஸ் செண்டிரியான் பெர்ஹாட் நிறுவனத்திற்கு வருகை புரிந்த பின்னர்

ஜோகூர் மாநிலத்தில் சீரற்ற நிலையில் இருக்கும் பாக்கெட் சமையல் எண்ணெய் விநியோகம் இயல்பு நிலைக்கு திரும்பும் வரை மண்டலம் மண்டலமாக விநியோகம் செய்யப்படும். இந்த நடைமுறை இவ்வாண்டு இறுதிவரையில் நடைமுறையில் பாக்கெட் எண்ணெய் விநியோகத்தில் எந்த இடையூறும் ஏற்படாமல் இருப்பது உறுதி செய்யப்படும் என்று அவர் குறிப்பிட்டார்.

உட்புறப் பகுதிகளிலும் சமையல் எண்ணெய் கிடைக்கப்பெறுவதை அமைச்சும் மாநில அரசாங்கமும் உறுதி செய்யும். இதே நடைமுறை சபா, சரவாக் உட்பட மற்ற மாநிலங்களிலும் அமல்படுத்தப்பட்டிருக்கிறது என்று அவர் கூறினார்.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **UMUM**

# Dasar wajib pamer harga ubat redakan sengsara pesakit

- Dapatkan kajian jelas menunjukkan kenaikan harga ubat di pasaran swasta adalah masalah serius menyumbang kepada peningkatan kos perubatan

- Langkah ke arah ketelusan harga dalam penjagaan kesihatan bukan sesuatu yang mustahil, walaupun hasrat kerajaan jelas, kerjasama daripada pihak berkepentingan adalah penting



Oleh Dr Ahmad Naqiyuddin Bakar  
 bhwrencana@bh.com.my

Pensyarah Fakulti  
 Sains Pentadbiran  
 & Pengajian Polisi,  
 UiTM

Pada masa ini, pesakit keluar dari klinik atau hospital swasta lazimnya menerima bil terperinci merangkumi pelbagai caj, daripada bekalan perubatan kepada perkhidmatan penyediaan dan bayaran wad.

Namun, tahak ketelusan sama sering tidak wujud di klinik pengamal perubatan am (GP) swasta. Pesakit jarang menerima pecahan bayaran untuk perundungan, kos ubat atau penggunaan peralatan.

Kekurangan penyeragaman ini mengaburkan perbezaan harga dan membuka ruang kepada pemetaan harga subjektif berdasarkan persepsi terhadap tahap kemampuan atau perlindungan insurans pesakit.

Wujud amalan pasaran ubat swasta di Malaysia sebahagian besarnya tidak dikawal selia. Satu kajian membandingkan harga ubat inovator dan generik mendapat walaupun ubat generik biasanya lebih mampu milik, ia masih mewujudkan margin keuntungan tinggi, sekali gus menyebabkan kos tinggi kepada pengguna.

Satu lagi kajian diterbitkan dalam *Journal of Pharmaceutical Policy and Practice* menunjukkan walaupun pengisytiharan harga secara sukarela syarikat farmaseutikal berkorelasi dengan harga runcit, margin keuntungan ketara tetapi wujud, terutama untuk ubat generik.

Ini diperkuahkan lagi dengan inisiatif Program Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan (KKM) yang memantau secara aktif harga ubat di pasaran pada 2017, 2020 dan 2022.

Dapatkan kajian jelas menunjukkan kenaikan harga ubat di pasaran swasta adalah masalah serius menyumbang kepada peningkatan kos perubatan.

Pada 2022, penandaan median untuk ubat originator dan generik yang dijual kepada pesakit dalam hospital swasta adalah kira-kira 2.2 dan 3.7 kali ganda daripada harga perolehan.

Bagi klinik swasta, ubat-ubatan mereka dijual pada harga jauh lebih tinggi, hampir dua kali ganda harga tokokan yang sepadan di farmasi komuniti.

Satu kajian pada 2021 diterbitkan dalam jurnal *Frontiers in Public Health* mendedahkan pengguna di Malaysia secara amnya menyokong ketelusan harga tetapi tidak aktif menggunakan sumber maklumat sedia ada sepenuhnya.

Kajian itu menyimpulkan bahawa tanpa pembabit aktif pengguna, dasar ketelusan harga mungkin tidak mencapai impak diharapkan.

Dasar baru berkutu kuasa pada 1 Mei lalu mewajibkan semua klinik GP swasta, hospital

dan farmasi komuniti memaparkan harga ubat dengan jelas, sama ada dalam bentuk cetakan atau elektronik.

Setiap botol atau bungkusn mesti mempunyai tanda harga boleh dilihat. Inisiatif ini terletak mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencutan (AKHAP) 2011 (Akta 723), memberi kuasa kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk menguatkuasakan pematuhan.

## Buat keputusan dengan bijak

Reaksi terhadap dasar ini bercampur-campur. Walaupun terdapat tentangan, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad serta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Arzman Mohd Ali menjelaskan tujuan utama dasar itu bukan untuk mengawal harga, tetapi memperkasakan pengguna dengan maklumat yang membolehkan mereka membuat keputusan kewangan bijak.

Matlamat lebih luas adalah mengekang inflasi perubatan dan mewujudkan ekosistem penjagaan kesihatan lebih telus.

Di peringkat antarabangsa, banyak negara maju menguasakan peraturan ketat berkaitan ketelusan harga ubat. Australia, New Zealand, dan beberapa negara anggota Kesatuan Eropah mewajibkan tanda harga jelas bagi ubat dijual tanpa preskripsi dan mengawal harga ubat preskripsi melalui sistem kesihatan nasional.

Dalam sektor swasta, Jerman, Perancis dan

Sepanyol mempunyai rangka kerja ketat untuk mengelakkan pencutan harga dan memastikan ketelusan kos kepada pesakit.

Selari dengan itu, peranti digital turut dimanfaatkan bagi memperkasakan ketelusan. Platform dalam talian dan aplikasi mudah alih kini membolehkan pesakit di Amerika Syarikat (AS) dan Eropah membandingkan harga ubat antara farmasi, sekali gus meningkatkan kuasa pengguna melalui teknologi.

Maka, keputusan muktamad KKM fasilitasi kesihatan swasta dan GP swasta memperbaiki harga ubat adalah tepat bagi bagi menangani pencutan.

Namun dalam hal ini, pengguna juga perlu dididik untuk menggalakkan mereka bertambah secara aktif dalam soal maklumat harga.

Seterusnya, kerajaan boleh menambah baik peraturan sedia ada seperti mewajibkan syarikat farmaseutikal mengisyitiharkan harga kilang seperti dijalankan di Kanada dan sebahagian negara Eropah.

Sokongan kepada pengilang tempatan melalui subsidi atau insentif juga wajar bagi mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan akses kepada ubat mampu milik.

Langkah ke arah ketelusan harga dalam penjagaan kesihatan bukan sesuatu yang mustahil. Walaupun hasrat kerajaan jelas, kerjasama daripada pihak berkepentingan adalah penting.

Penentangan daripada penyediaan perkhidmatan bahan difahami, terutama jika beban pelaksanaan tidak dikongsikan secara adil.

Namun, usah menjadikan isu harga ubat ini sebagai konflik bersifat *'zero-sum game'* atau menguntungkan satu pihak di atas kesengsaraan pihak lain, sebaliknya ia bermatlamat memberi manfaat kepada semua, terutama orang awam dan pesakit.

Pelaksanaan dasar ketelusan harga ubat boleh menjadi lebih daripada sekadar keperluan peraturan. Ia menjadi pemangkin kepada reformasi, kepercayaan dan akauntabiliti sistem serta mekanisme penjagaan kesihatan swasta Malaysia.

**Matlamat lebih luas adalah mengekang inflasi perubatan dan mewujudkan ekosistem penjagaan kesihatan lebih telus**





David (right) presents a souvenir to Shahril Nizam during the courtesy visit at the Sabah Federal Government Administrative Complex.

## YPNM Sabah refutes false claims on generator fees

**KOTA KINABALU:** The National Consumer Foundation Malaysia (YPNM) Sabah Chapter has urged the public to stop spreading false or unverified information regarding generator registration and application fees, warning that such misinformation may lead to unnecessary confusion and public panic.

YPNM Sabah chairman David Chan addressed recent viral allegations claiming the Energy Commission of Sabah (ECoS) was imposing exorbitant charges for generator registration — claims which he said are untrue.

"An internal review and direct clarification with ECoS confirms these allegations are baseless," said Chan. "We urge the public to verify facts before sharing them online. Spreading false claims only fosters fear and undermines public trust."

To clarify, Chan outlined verified information as follows:

**1. License Application Fee (RM2,000):**

"ECoS does not charge this amount," said Chan. "If consumers were charged, it's likely by third-party agents or runners. Direct applications via the ECoS official website are free."

**2. Drawing Submission Fee (RM2,000 – RM6,500):**

These are charges by professional consultants, not ECoS. "They cover professional verification to ensure safe equipment installation," he explained. Existing generator set owners may already have the necessary diagrams and can liaise directly with ECoS.

**3. G and H Form Fees (RM2,500 – RM10,000):**

These are contractor-imposed fees for the Certificate of Completion (G Form) and Certificate of Testing (H Form), usually provided during the original installation. Chan advised

asset owners to contact ECoS directly for any concerns.

**4. Annual License Renewal Fee (RM500 – RM1,000):**

This is the only fee officially charged by ECoS. "The amount is based on asset size and has remained unchanged from previous Energy Commission (ST) rates," he stated.

**5. Additional Charges:**

"Any extra fees are likely from consultants, contractors, or third parties — not from ECoS," Chan emphasized.

He reiterated that ECoS's primary aim is to ensure installations are safe and meet regulatory standards, carried out by qualified personnel.

"As a responsible consumer organisation, YPNM is committed to transparency, accountability, and protecting the interests of the public. Let's all work together to ensure the information we share is accurate and helpful," he added.

Separately, Chan led a YPNM Sabah delegation on a courtesy visit to Shahril Nizam Shahidin, Director of the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living Sabah, at the Sabah Federal Government Administrative Complex on Tuesday.

Also present were YPNM Sabah committee members Ts. Yuzrian Efen Yunus and Halizah Din, along with Rayner Adonis and Naini @ Petronella Anji from the ministry's Consumer Empowerment Section.

During the visit, Chan emphasized YPNM Sabah's role in supporting government initiatives such as price monitoring, consumer education, and promoting sustainable lifestyles.

"YPNM Sabah acts not only as the government's 'eyes and ears,' but also as a catalyst for responsible consumption and the sustainable use of natural resources," he said.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 15 APRIL 2025			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
15-May	MySTEP umpama turun taraf pegawai pantau harga - CUEPACS	<a href="https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/728403">https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/728403</a>	SINAR HARIAN
15-May	MySTEP: CUEPACS tunggu maklum balas kerajaan	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/05/mystep-cuepacs-tunggu-maklum-balas-kerajaan/">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/05/mystep-cuepacs-tunggu-maklum-balas-kerajaan/</a>	UTUSAN MALAYSIA
15-May	Serap pegawai pemantau harga KPDN ke jawatan tetap, kaji semula skim kontrak MySTEP - CUEPACS	<a href="https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2025/05/1395870/serap-pegawai-pemantau-harga-kpdn-ke-jawatan-tetap-kaji-semula-skim">https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2025/05/1395870/serap-pegawai-pemantau-harga-kpdn-ke-jawatan-tetap-kaji-semula-skim</a>	BERITA HARIAN
15-May	KPDN rampas 477 tong LPG di Hulu Terengganu	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-rampas-477-tong-lpg-di-hulu-terengganu">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-rampas-477-tong-lpg-di-hulu-terengganu</a>	BERITA RTM
15-May	Cubaan seleweng LPG subsidi, KPDN rampas rampas 477 tong, sita 2 lori	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/cubaan-seleweng-lpg-subsidi-kpdn-rampas-rampas-477-tong-sita-2-lori/">https://www.buletintv3.my/nasional/cubaan-seleweng-lpg-subsidi-kpdn-rampas-rampas-477-tong-sita-2-lori/</a>	BULETIN TV3
15-May	477 tong gas LPG dijual tanpa permit dirampas	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/05/14/477-tong-gas-lpg-dijual-tanpa-permit-dirampas/">https://www.kosmo.com.my/2025/05/14/477-tong-gas-lpg-dijual-tanpa-permit-dirampas/</a>	KOSMO
15-May	KPDN Terengganu Rampas Lori dan LPG Dalam Op Gasak 2025	<a href="https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2422607">https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2422607</a>	BERNAMA
15-May	Beli barang keperluan harga murah, kunjungi Jualan Ehsan Rahmah PKPS	<a href="https://newswav.com/article/beli-barang-keperluan-harga-murah-kunjungi-jualan-ehsan-rahmah-pkps-A2505_6VvdM5">https://newswav.com/article/beli-barang-keperluan-harga-murah-kunjungi-jualan-ehsan-rahmah-pkps-A2505_6VvdM5</a>	NEWS WAV
15-May	KPDN Kelantan Terima Serahan Hasil Rampasan Petrol, Diesel Lebih RM100,000	<a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2423002">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2423002</a>	BERNAMA
15-May	Pengharaman vape perlu dilaksanakan serentak kemasukan tembakau, vape haram - Pakar Perubatan	<a href="https://api.bharian.com.my/berita/nasional/2025/05/1396055/pengharaman-vape-perlu-dilaksanakan-serentak-kemasukan-tebakau-vape">https://api.bharian.com.my/berita/nasional/2025/05/1396055/pengharaman-vape-perlu-dilaksanakan-serentak-kemasukan-tebakau-vape</a>	BERITA HARIAN